

Kita khawatir Yasser tidak dapat kembali

UM 2 1 FEB 2003

KUALA LUMPUR 20 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia khawatir Israel tidak akan membenarkan Presiden Yasser Arafat, kembali ke Palestin sekiranya beliau menghadiri Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia boleh menolong Yasser untuk menghadiri NAM, tetapi niat Israel untuk mengusirnya dari Palestin mungkin menjadi kenyataan.

“Kita boleh tolong (membawa Yasser ke NAM), tetapi kita khawatir bukan sahaja untuk dia datang ke sini, tetapi juga sama ada beliau boleh balik atau tidak.

“Kita tahu hasrat Israel supaya Yasser Arafat dibuang dari negaranya,” katanya.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Beliau mengulas rayuan Duta

Palestin ke Malaysia, Ahmad Al-Farra, supaya Dr. Mahathir berunding dengan Amerika Syarikat (AS) bagi membolehkan Yasser hadir ke NAM di sini.

Rayuan itu dibuat berikutan keengganan rejim Zionis melonggarkan larangan perjalanan kepada pemimpin Palestin itu.

Pihak berkuasa Palestin bimbang jika Yasser datang juga ke sidang kemuncak itu kemungkinan beliau tidak akan dibenarkan pulang dan kekal dalam buangan.

Ahmad Al-Farra berkata, beliau meminta Dr. Mahathir ber-

bincang dengan AS kerana selepas Israel, AS adalah pihak yang paling layak untuk memberikan jaminan supaya Yasser dapat kembali ke bumi Palestin.

Beliau menyatakan, peranan Malaysia amat diperlukan memandangkan Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, pernah mengeluarkan ugutan yang Yasser tidak akan dapat kembali ke Palestin jika beliau meninggalkan wilayah tersebut.

Larangan ke atas Yasser meninggalkan Ramallah telah dikuatkuasakan sejak setahun lalu.